

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]**

**SOALAN : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

**(a) berapa buah projek industri asas tani telah dilaksanakan oleh Kementerian di negeri Melaka sejak tahun 2008 dan bagaimanakah dengan prestasi mereka dan bilangan projek yang gagal dan terpaksa dihentikan; dan**

**(b) berapakah hasil dan pendapatan bulanan dari projek-projek ini.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani komited dalam melaksanakan projek dan program berasaskan industri asas tani di negeri Melaka, sama ada kepada individu atau secara berkelompok. Antara projek dan program industri asas tani yang dilaksanakan kepada individu adalah program geran pepadanan (Program *High Impact Product* [HIP] & *Change Upgrade Product* [CUP]) dan program pembiayaan (Program Pembangunan Usahawan Peladang [PUP] & Tabung Pembangunan Usahawan Peladang (TPUP)) kepada usahawan pengeluar, serta program *Agrobazaar K-Shoppe* kepada usahawan pemasar.

Program geran pepadanan dan program pembiayaan menyediakan bantuan melalui skop seperti kajian nutrisi dan jangka hayat produk, reka bentuk pembungkusan dan pelabelan, pembelian mesin dan peralatan serta penambahbaikan premis ke arah persijilan, bagi membantu usahawan meningkatkan pengeluaran dan pendapatan. Manakala program *Agrobazaar K-Shoppe* pula menumpukan kepada pewujudan outlet yang mengusahakan perniagaan secara pemborongan atau peruncitan bagi produk proses keluaran usahawan industri asas tani.

Seramai 81 usahawan telah mendapat manfaat daripada projek/program secara individu dengan jumlah keseluruhan peruntukan yang dibelanjakan sebanyak RM 2.99 juta dan pulangan nilai jualan/hasil yang diterima sebanyak RM 68.73 juta. Seramai 3 usahawan tidak berjaya disebabkan telah meninggal dunia, diisytiharkan muflis dan telah berpindah.

Bagi projek secara berkelompok, sebanyak 13 pusat pengumpulan/pusat pemprosesan telah dibangunkan di negeri Melaka, bertujuan memudahkan pengumpulan dan pemprosesan secara berpusat bagi bahan mentah hasil pertanian kepada produk tambah nilai. Projek ini telah berhasil memperoleh nilai jualan tahunan sebanyak RM 24.299 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN : 81**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cadangan pembinaan Lapangan Terbang Baru di negeri Melaka :-

- a) adakah benar cadangan ini telah dikemukakan ke Kementerian dan di manakah tapak yang dicadangkan; dan
- b) adakah kajian impak sosial telah dijalankan dan nyatakan keputusan Kementerian terhadap permohonan ini.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Projek menaiktaraf Lapangan Terbang Melaka telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, bagi memastikan cadangan projek ini menepati keperluannya, satu kajian kemungkinan telah disiapkan oleh juruperunding dan hasil kajian mendapati memadai dengan memberi keutamaan kepada kerja-kerja pemanjangan landasan sehingga 2,500 meter bagi keperluan pendaratan pesawat kod 4C tanpa kekangan muatan di Lapangan Terbang Melaka sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKANJAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN : 82**

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa buah pelabuhan di negeri Melaka akan dinaiktarafkan dan adakah cadangan "Free Trade Port" dengan keluasan penambakan laut 300 ekar akan dibina di kawasan Pekan Umbai dan Jasin Melaka. Jika ya, bilakan pelabuhan ini dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pengangkutan Malaysia tidak menerima sebarang permohonan atau cadangan berhubung penaiktarafan pelabuhan-pelabuhan di Melaka mahupun pewujudan "*Free Trade Port*" di kawasan Pekan Umbai dan Jasin Melaka.

**SOALAN ( 83 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN :-**

**YB TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan rundingan di antara negara kita dengan negara Singapura mengenai projek KL Singapore High Speed Rail:

- a) Adakah satu persetujuan dicapai dan apakah terma-terma yang terlibat; dan
- b) Bilakah projek ini dapat dilaksanakan dan anggaran kos yang akan terlibat untuk bahagian yang ditanggung oleh negara kita.

**JAWAPAN:-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dan Singapura telah menandatangani Perjanjian Dua Hala HSR (HSR Bilateral Agreement) pada Sesi Pemukiman Pemimpin yang ke-7 yang telah diadakan pada 13 Disember 2016. Perjanjian tersebut telah memperincikan butiran dan terma-terma perbincangan antara kedua-dua negara berhubung aspek teknikal (lokasi stesen, rekabentuk operasi dan penyelenggaraan), aspek komersil (struktur projek, perkongsian kos projek dan perolehan), pengawalseliaan dan pemantauan projek, aspek keselamatan dan imigresen (pemeriksaan imigresen bersama (Co-located CIQ)).

Projek HSR ini telah memasuki fasa pelaksanaan di mana Malaysia dan Singapura akan bersama-sama memanggil tender bagi satu aset syarikat persendirian (AssetsCo) untuk membekal dan menyelenggara aset kereta api (*rail assets and rolling stock*) yang dijangka pada akhir tahun 2017.



Anggaran kos bagi projek HSR ini tidak boleh didedahkan buat masa ini kerana ia akan menjejaskan dan mempengaruhi proses tender dan tawaran syarikat-syarikat yang berminat kelak.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017

**SOALAN (84)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE  
[GOPENG]**

**SOALAN :**

**YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta PERDANA MENTERI menyatakan peratusan pengangguran dan kaedah memperolehi statistik tersebut.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) bagi mendapatkan anggaran tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. PTB ialah kajian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization (ILO)*.

Penduduk di dalam tenaga buruh adalah mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 64 tahun dan terdiri daripada penduduk bekerja dan menganggur. Bekerja merujuk kepada semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan PTB untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.

Penganggur pula merujuk kepada mereka yang berada di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja semasa minggu rujukan PTB tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari pekerjaan dalam minggu tersebut. **Kadar**

**pengangguran** merujuk kepada perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada penduduk di dalam tenaga buruh.

Kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh sehingga suku tahun keempat 2016 adalah 67.6% dan kadar pengangguran berada pada kadar 3.5%.

Kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya kadar pengangguran adalah 4% dan kurang yang mana selari dengan definisi *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Sekian, terima kasih.

Mac 2017